

SOALAN NO: 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DR. MANSOR BIN ABDUL RAHMAN

TARIKH: 27 JULAI 2017

SOALAN:

Dr. Mansor bin Abdul Rahman [Sik] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan Pelaksanaan *Employer Mandatory Commitment* (EMC) menyatakan bahawa bermula 1 Januari 2017, majikan perlu menanggung kos bayaran levi pekerja asing yang melibatkan permohonan baru dan pembaharuan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS). Bagaimanakah dengan majikan yang telah membuat bayaran levi bagi pekerja asing sedia ada pada tahun 2016, adakah dibenarkan membuat potongan gaji.

PR-1352-L02128

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah menetapkan bahawa setiap majikan yang membuat permohonan pekerja asing baharu hendaklah menandatangani Surat Aku Janji Majikan (*Employers Undertaking*) mulai 1 Januari 2017. Surat Aku Janji tersebut mengehendaki majikan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pekerja asingnya bermula dari peringkat kemasukan, penggajian sehinggalah penghantaran pulang pekerja tersebut ke negara asal.

2. Namun begitu, Kerajaan telah menangguhkan pelaksanaan item (i) dalam Surat Aku Janji tersebut iaitu majikan hendaklah membayar levi pekerja asing selaras dengan Akta Fi 1951 sehingga 1 Januari 2018. Penangguhan tersebut adalah susulan daripada permintaan pihak majikan supaya Kerajaan memberi tempoh peralihan yang sewajarnya kerana kebanyakan majikan memerlukan masa untuk menstrukturkan semula kos-kos pengurusan dan pengoperasian masing-masing.

3. Selain itu, mengenai majikan yang telah membuat pembayaran levi pekerja asing pada tahun 2016, majikan yang telah mendahulukan pembayaran levi tersebut boleh membuat potongan gaji bulanan pekerja asing dengan syarat telah memperoleh kebenaran daripada Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia dan potongan gaji bulanan tidak melebihi 50% sepertimana peruntukkan di bawah Seksyen 24, Akta Kerja 1955.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]

TARIKH : 27 JULAI 2017 (KHAMIS)

SOALAN : 58

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan keputusan terkini kerajaan dalam usaha mencari MH370. Ini adalah mengikut penemuan terbaru oleh pasukan daripada *Commonwealth Scientific and Industrial Research Organization* (CSIRO) di mana boleh meningkatkan peratusan penemuan MH370 secara ketara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, operasi pencarian pesawat MH370 oleh pasukan operasi melibatkan Malaysia, Australia dan Republik Rakyat China (RRC) di kawasan tambahan seluas 120,000 kilometer persegi di Lautan Hindi telah selesai dilaksanakan dan digantung pada 17 Januari 2017.

Keputusan menggantung operasi pencarian pesawat MH370 adalah selaras dengan persetujuan yang dicapai pada Mesyuarat *Tripartite* Peringkat Menteri di antara Malaysia, Australia dan Republik Rakyat China (RRC) yang telah diadakan pada 22 Julai 2016. Melalui mesyuarat tersebut, ketiga-tiga negara telah bersetuju sekiranya terdapat maklumat atau petunjuk baru yang sahih dan kukuh (*credible evidence*) diperolehi, maka operasi pencarian selanjutnya akan dipertimbangkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laporan *First Principle Review* yang dikeluarkan oleh *Australian Transportation Safety Bureau* (ATSB) pada 20 Disember 2016 adalah berdasarkan kepada data-data terhad yang diperolehi serta maklumat-maklumat dan andaian yang dibuat oleh pasukan pakar hasil penemuan beberapa serpihan MH370. Walau bagaimanapun, pasukan pakar tidak dapat memberikan jaminan akan lokasi sebenar pesawat MH370.

Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan telah memohon supaya pihak *Australian Transportation Safety Bureau (ATSB)* dan pasukan pakar meneliti dan menganalisa semula semua data serta maklumat termasuk penemuan imej satelit terkini dan model arus (*drift modelling*) oleh *Commonwealth Scientific and Industrial Research Organisation (CSIRO)* bagi mencari bukti-bukti yang lebih kukuh akan lokasi sebenar pesawat MH370.

SOALAN (59)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 27 JULAI 2017
[KHAMIS]**

**DARIPADA : YB DATO' SRI ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]**

SOALAN :

YB DATO' SRI ABDUL MANAN BIN ISMAIL [PAYA BESAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Kementerian-kementerian yang mencapai sasaran 100 peratus Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan di bawah Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB) dan sejauh mana terkesan Transformasi Kesejahteraan Bumiputera terhadap projek berimpak tinggi termasuk berasaskan hasil dengan sasaran yang lebih tinggi kepada ekonomi negara.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 8 Kementerian mencapai sasaran 100% Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan di bawah Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB) bagi tahun 2016.

Kementerian-kementerian tersebut adalah seperti berikut:

1. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air (KeTTHA)
2. Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW)
3. Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI)
4. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM)
5. Kementerian Luar Negeri (KLN)
6. Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar (NRE)
7. Kementerian Dalam Negeri (KDN)
8. Kementerian Belia Dan Sukan (KBS)

Pada 19 April 2017 yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera atau *Bumiputera Economic Transformation Road Map* (BETR 2.0). BETR 2.0

ini adalah merupakan penambahbaikan kepada BETR 1.0 yang telah dilaksanakan Kerajaan sebelum ini. Ia adalah suatu road map yang menggariskan Hala Tuju Ekonomi Bumiputera dengan jelas, namun pada masa yang sama prioriti dan pelaksanaan akan ditambahbaik mengikut cabaran dan situasi semasa.

BETR 2.0 merupakan sebuah program strategik transformasi negara yang menggariskan dimensi dan pendekatan baharu dalam usaha Kerajaan memperkukuh penyertaan bumiputera dalam ekonomi negara. Kita kaji, perbetulkan dan perhalusi hala tuju agenda ekonomi melalui lima bidang utama iaitu modal insan, pekerjaan dan pendapatan; pembangunan keusahawanan, pemilikan ekuiti korporat dan aset bukan kewangan.

Bagi membawa komuniti dan usahawan Bumiputera yang lebih berfokus, berdaya maju, kreatif serta inovatif dan bersedia untuk bersaing di peringkat global, Kerajaan telah menghasilkan satu lembaran berwajah baharu kepada perjuangan memperkasakan Agenda Bumiputera, yang dinamakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Transformasi Kesejahteraan Bumiputera atau TKB.

Di bawah BETR 1.0 yang dilaksanakan oleh TERAJU, sejumlah RM108.2 Billion nilai telah dicipta untuk Bumiputera melalui inisiatif-inisiatif yang merangkumi peluang perniagaan, pembiayaan serta pembangunan modal insan. Ini termasuklah peluang kepada syarikat-syarikat Bumiputera untuk mengambil bahagian dalam 13 projek-projek mega yang telah dikenalpasti seperti MRT Jajaran 1, LRT3, Lebuhraya Pan Borneo dan Menara Warisan Merdeka PNB dengan komitmen yang berjumlah RM54.89 bilion di bawah Program Peruntukan Khas Bumiputera *Carve-Out & Compete*.

Sekian, terima kasih.

27 Julai 2017